

## Jawi lancar Tabung Rahmah Madani bantu golongan asnaf

SINAR HARIAN 2/11/2023 K/S : 24

**KUÁLA LUMPUR** - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) mengambil inisiatif melancarkan Tabung Rahmah Madani (TRM) untuk kegunaan asnaf.

Jawi dalam satu kenyataan berkata, TRM akan beroperasi di 40 masjid di Wilayah Persekutuan dan mendapat kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Menurutnya, dana RM2.06 juta disumbangkan MAIWP bagi menjayakan TRM akan disalurkan kepada masjid meliputi enam zon terpilih.

"Keutamaan bantuan diberikan kepada penduduk setempat dan warga tempatan. Bantuan disalurkan kepada pemohon terputus perbelanjaan sara hidup selain kes tertentu difikirkan se-

suai untuk dipertimbangkan.

"Kekerapan bagi seseorang menerima bantuan kecemasan pula adalah dua kali sahaja dalam tempoh setahun dengan kadar maksimum RM200 bagi setiap permohonan," katanya menerusi satu kenyataan pada Rabu.

Terdahulu, majlis pelancaran TRM disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Menurut Jawi, TRM juga akan diperluaskan bagi tujuan pembayaran elauan di bawah Program Khidmat Asnaf dengan memberikan peluang pekerjaan kepada dua asnaf di 40 masjid terpilih untuk menjalankan perkhidmatan sosial di masjid.

Ujarnya, kadar elauan ditetap-



Mohd Na'im (tengah) menyempurnakan Majlis Pelancaran TRM di Masjid Al-Imam Al-Ghazali; Manjalara.

kan ialah RM50 sehari bagi tempoh empat jam bekerja dan tidak melebihi 15 hari sebulan.

Jawi turut memaklumkan ini-

siatif penubuhan TRM adalah sebahagian usaha mempergiatkan lagi bantuan kepada golongan memerlukan dan berpusat

di masjid sebagaimana kejayaan program kebajikan sebelum ini seperti Gerobok Rezeki, Iftar Ramadan dan Jawi Food Bank.